

Latihan karangan 5 :

Pengurusan diri yang betul amat penting. Bincangkan cara pengurusan diri yang baik.

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang sesuai.

<i>baik</i>	<i>belajar</i>	<i>kemas</i>	<i>berguna</i>	<i>Bertanggung jawab</i>
<i>sihat</i>	<i>berdikari</i>	<i>disiplin</i>	<i>bijak</i>	<i>kebersihan</i>

Pengurusan diri yang baik sangat penting untuk menjadi murid yang _____ (1). Kita perlu belajar mengurus diri sejak kecil supaya menjadi insan yang _____ (2) apabila dewasa kelak.

Antara cara mengurus diri dengan baik adalah menjaga _____ (3) diri. Kita mesti mandi setiap hari, memotong kuku dan memakai pakaian yang _____ (4).

Selain itu, kita perlu mengurus masa dengan _____ (5). Kita hendaklah menyiapkan kerja sekolah, membantu ibu bapa dan masih ada masa untuk _____ (6).

Kita juga mesti bijak memilih kawan yang _____ (7). Kawan yang baik akan membantu kita menjadi lebih _____ (8) dan rajin.

Kesimpulannya, pengurusan diri yang baik dapat membantu kita menjadi insan yang _____ (9). Oleh itu, kita mestilah berdisiplin dan _____ (10) dalam kehidupan harian.